

Headline	NCER Bakal Jadi Hab Pertanian	Language	MALAY
Date	25. Feb 2008	Page No	10b
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	1407 cm2
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287		



PERDANA Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan NCER, sambil diperhatikan dari kiri sekali Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Menteri Besar Perak Tan Sri Tajol Rosli.

NCER

bakal jadi hab pertanian

Oleh DIYANA ROSE KAMALLUDEEN

FOKUS utama pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) adalah membangunkan negeri-negeri di wilayah utara yang tahap kemajuannya dilihat masih jauh ketinggalan berbanding negeri lain.

NCER yang dijangka melibatkan pelaburan bernilai RM177 bilion dan diterajui Sime Darby Berhad (Sime Darby) itu merupakan mekanisme untuk memperkasakan industri utama di negeri-negeri terbabit bagi memajukan negeri-negeri berkenaan, sekali gus mengurangkan kadar kemiskinan penduduknya melalui pertambahan kegiatan ekonomi.

Pada masa ini, dianggarkan terdapat seramai 57,700 keluarga miskin dalam kawasan NCER meliputi Kedah, Perlis, Seberang Prai dan Perak Utara dengan 11,900 daripada jumlah itu merupakan golongan miskin tegar.

Matlamat NCER ialah untuk mengeluarkan kelompok miskin itu dari kemiskinan dan mengangkat martabat serta ekonomi 5.4 juta rakyat di wilayah utara Semenanjung.

Pakar ekonomi berpendapat, sasaran untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang 2020 mampu dicapai sekiranya projek itu dilaksanakan dengan betul dan seimbang mengikut apa yang dirancangkan.

Menurut Ketua Jabatan Pengurusan dan Pemasaran Fakulti Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Noor Azman Ali, tumpuan sepenuhnya terhadap pertumbuhan ekonomi sahaja adalah tidak memadai kerana ia akan membawa kepada pembangunan yang tidak seimbang jika diteruskan.

Katanya, proses pembangunan ekonomi itu perlu berjalan serentak dengan pertumbuhan sosio-ekonomi bagi mengelak berlakunya ketidakstabilan sosial masyarakat yang akhirnya menjejaskan imej negara.

Kesan itu dapat dilihat di negara-negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) yang dilanda masalah peningkatan kadar jenayah di kalangan masyarakatnya meskipun bergelar negara maju.

"Tumpuan kajian pembangunan sosio-ekonomi bukan sahaja di kawasan kampung malah bandar kerana kemiskinan rakyat bandar boleh menyumbang kepada peningkatan jenayah kecurian, rasuah, peras ugut, pengedaran barangan cetak rompak dan sebagainya.

"Perkembangan tidak seimbang ini boleh merencatkan usaha menaikkan taraf hidup rakyat golongan bawahan yang sepatutnya menerima limpahan sedangkan pihak berkepentingan terus menikmati kemewahan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sekiranya dilaksanakan sepenuhnya, projek pembangunan komprehensif menerusi NCER mampu menyediakan lebih 2.4 juta peluang pekerjaan kepada penduduk wilayah utara dalam tempoh dua tahun lagi.

Kadar purata pendapatan bulanan keluarga yang agak rendah iaitu RM2,477 sebulan juga dijangka meningkat apabila wilayah utara yang bakal dikenali sebagai zon makanan moden negara mula bergerak secara komersial.

NCER diletakkan di bawah tanggungjawab Agensi Pelaksana Koridor Utara (NCIA) dan agensi itu akan memacu pelaksanaan beberapa projek baru termasuk mewujudkan 'kluster' pertumbuhan bagi kegiatan ekonomi.

Projek-projek itu dibahagikan kepada

KERJA-KERJA pembinaan projek Penang Global City Centre sedang rancang dijalankan di Pulau Pinang yang merupakan sebahagian daripada projek NCER.



sektor pertanian, pembuatan, pelancongan, infrastruktur, modal insan dan alam sekitar secara teratur dan komprehensif.

Ia termasuk projek Landasan Keretapi Berkembar dari Ipoh-Padang Besar sepanjang 329 kilometer yang dijangka mencipta 105,000 peluang pekerjaan merangkumi bidang perkhidmatan pengurusan, profesional, perkeranian dan buruh mahir, selain memberi kesan limpahan setempat kepada sektor perumahan, makanan, perhotelan, hiburan dan peruncitan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, kontraktor dan pembekal bumiputera bakal meraih kontrak bernilai RM3.7 bilion menerusi projek yang bakal menjadikan negeri itu sebagai pangkalan pengangkutan utama bagi negara kelak.

"Pelaksanaan projek itu dijangka memberikan kesan limpahan ekonomi kepada negeri-negeri terbabit dengan Perak dianggarkan menikmati peningkatan pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus, Pulau Pinang (6.8 peratus), Kedah (8.7 peratus) dan Perlis (12 peratus)," katanya.

Selain itu, Zon Industri Petroleum Yan (ZIPY) membabitkan kilang penapis minyak di Yan, projek pembinaan Paip Minyak Trans Peninsular dijangka berjaya menarik pelaburan berjumlah RM54.72 bilion daripada syarikat swasta.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid menjangkakan kemasukan kapasiti minyak mencecah sehingga antara 200,000 hingga 250,000 tong minyak sehari bakal memberi banyak faedah kepada negeri itu termasuk dari segi saham dan pulangan dividen yang mampu dinikmati oleh Kedah dan rakyatnya.

"Selain penggunaan laluan di perairan Kedah yang memberikan manfaat kepada kerajaan negeri, projek ZIPY kelak turut membuka peluang pekerjaan kepada 4,000 orang dan akan meningkat kepada 15,000 apabila projek itu siap sepenuhnya," ujar beliau.



PERDANA Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diiringi isterinya Datin Seri Jeanne Abdullah melihat model NCER selepas melancarkan koridor tersebut pada Julai 2007.

Perkembangan tidak seimbang ini boleh merencatkan usaha menaikkan taraf hidup rakyat golongan bawahan yang sepatutnya menerima limpahan sedangkan pihak berkepentingan terus menikmati kemewahan



MODEL projek Penang Global City Centre yang dipamerkan sempena pelancaran NCER peringkat negeri Pulau Pinang tahun lepas.